

Bil. S 50

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH PENDAFTARAN KEBANGSAAN (PINDAAN), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pendaftaran Kebangsaan (Pindaan), 2000.

Pindaan bab 2 dari Penggal 19.

2. Bab 2 dari Akta Pendaftaran Kebangsaan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda dengan memasukkan takrifan-takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "Pesuruhjaya" —

"tu rumah" bermakna tuanpunya, penyewa, penyewa kecil atau penghuni sesebuah rumah, rumah kedai, flat, pangsapuri, pondok atau tempat tinggal yang lain;

"kad pengenalan" bermakna suatu kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini;

"pegawai imigresen" bermakna Pengawal Imigresen dan mana-mana orang yang dilantik di bawah bab 3 dari Akta Imigresen, dan termasuk seseorang Pegawai Imigresen Kanan;

"Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri;"

Pindaan bab 3.

3. Bab 3 dari Akta tersebut adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong "Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis" dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan "Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan";

- (b) dalam cerai (2), dengan memotong "Kebawah Duli Yang Maha Mulia" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan".

Pindaan bab 4.

4. Bab 4 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(3) Satu salinan bagi atau cabutan dari sebarang dokumen, termasuk salinan yang dikeluarkan melalui mikrofilem atau cetakan komputer, yang difailkan atau diserahkan di pejabat Pesuruhjaya, yang diperakui sebagai salinan yang benar atau cabutan yang ditandatangani dan dimeterai oleh Pesuruhjaya boleh dalam sebarang prosiding diterima sebagai keterangan yang kesahannya sama seperti dokumen asal.".

Memasukkan bab 5A baru.

5. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 5 —

"Pendaftaran semula orang-orang yang memiliki kad-kad pengenalan. 5A. (1) Tiap-tiap orang yang, pada permulaan kuatkuasa bab ini, ada memiliki suatu kad pengenalan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah mendaftar semula di bawah Akta ini dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Semua kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah Akta ini sebelum tarikh tersebut tidaklah lagi sah pada tamatnya tempoh bila orang-orang yang memiliki kad-kad pengenalan tersebut dikehendaki untuk didaftarkan semula di bawah cerai (1)."

Pindaan bab 6.

6. Bab 6 dari Akta tersebut adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1) —

- (i) dengan memotong "Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis" dan menggantikannya dengan "Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan";

- (ii) dengan memotong noktah dan dengan menambah "dan untuk menetapkan sebarang perkara yang dibenarkan atau dekehendaki di bawah Akta ini untuk ditetapkan.";

(b) dalam cerai (2) —

- (i) dalam perenggan (e), dengan menambah "dan kategori-kategori kad pengenalan yang berlainan yang boleh dikeluarkan kepada kategori-kategori atau golongan-golongan orang sebagaimana yang mungkin ditetapkan";
- (ii) dengan memansuhkan perenggan (i) dan menggantikannya dengan yang berikut —
 - "(i) pendaftaran semula orang-orang yang telah mendapatkan kad-kad pengenalan atau pengantiannya dalam sebarang tempoh yang ditetapkan";

(c) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(3) Menteri boleh memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk mengadakan dan menggunakan borang-borang sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pesuruhjaya bagi maksud-maksud Akta ini."

Tambahan bab-bab baru.

7. Akta tersebut adalah dipinda dengan menambah bab-bab baru yang berikut —

"Pengeluaran
kad-kad
pengenalan.

9. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, tiap-tiap orang yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah dikeluarkan dengan kad pengenalan.

Peyata oleh
tuan rumah.

10. (1) Tiap-tiap tuan rumah hendaklah, apabila dikehendaki demikian secara bertulis oleh seseorang pegawai pendaftar, mengemukakan berkaitan dengan isi rumahnya suatu penyata, pada waktu-waktu pada tahun itu, sebagaimana yang mungkin ditetapkan bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Penyata tersebut hendaklah dihantar oleh tuan rumah kepada pegawai awam atau pihak berkuasa berkanun sebagaimana yang mungkin diisytiharkan oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* sebagai pegawai awam atau pihak berkuasa berkanun bagi maksud-maksud bab ini.

(3) Tuanpunya, pengurus atau orang lain yang menjaga sesebuah hotel, rumah tumpangan, hostel atau tempat tinggal lain yang serupa boleh dikehendaki oleh seseorang pegawai pendaftar

untuk mengemukakan penyata yang dikehendaki di bawah cerai (1).

Pembatalan pendaftaran.

11. (1) Jika seseorang telah didaftarkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini dan Pesuruhjaya berpuashati bahawa pendaftaran itu —

(a) telah diperolehi dengan cara penipuan, pernyataan palsu atau penyembunyian sebarang fakta yang mustahak; atau

(b) dilakukan dengan silap,

Pesuruhjaya boleh membatalkan pendaftaran orang itu.

(2) Mana-mana orang yang pendaftarannya dibatalkan di bawah bab ini hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kad pengenalannya kepada Pesuruhjaya.

Beban untuk membuktikan isi kandungan permohonan-permohonan bertulis dan kad pengenalan, dll.

12. Beban untuk membuktikan kesahihan isi kandungan sebarang permohonan bertulis untuk pendaftaran yang dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau isi kandungan kad pengenalan adalah terletak kepada pemohon atau orang yang dikeluarkan kad pengenalan itu atau mana-mana orang lain yang mengatakan kesahihan isi kandungannya.

Laporan orang-orang tertentu boleh diterima sebagai keterangan.

13. (1) Sebarang dokumen yang dikatakan sebagai suatu laporan yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam cerai (2) atas sebarang perkara atau hal yang telah dikemukakan kepada mana-mana orang itu untuk pemeriksaan, analisis atau laporan, boleh digunakan sebagai keterangan dalam sebarang perbicaraan atau prosiding lain di bawah Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, melainkan jika mahkamah menghendaki orang itu untuk dipanggil sebagai saksi:

Dengan syarat bahawa dalam sebarang kes di mana Pendakwa Raya bercadang hendak memberi sebagai keterangan sebarang laporan itu, dia hendaklah menyerahkan satu salinannya kepada tertuduh tidak kurang dari 10 hari sebelum bermulanya perbicaraan atau prosiding lain itu.

(2) Orang-orang yang dikenakan bab ini adalah seperti berikut —

(a) mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang telah diberi kuasa untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan menurut Akta ini; dan

(b) mana-mana pegawai polis yang diberi tugas untuk mendaftarkan atau mengumpulkan cap-cap jari."

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 1 haribulan Jun, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM